

Kosmo  
10/12/2015  
ms 12

Hutan Simpan Ulu Gombak jadi tapak buangan sampah barang farmaseutikal

# Lupus ubat-ubatan ikut suka hati

**G**OMBAK - Penemuan ribuan kotak berisi ubat-ubatan yang sudah tamat tarikh luput bertaburan di kawasan Hutan Simpan Ulu Gombak di jalan lama Gombak-Bentong di sini mencetuskan pelbagai tanda tanya. Siapakah yang tergamak melakukan perbuatan tersebut? Kenapa ubat-ubatan itu dibuang begitu saja dan adakah itu cara yang betul untuk melupuskan bahan buangan farmaseutikal di negara ini?

**Laporan Khas**




MOHD. HAFIZI AHMAD      AHMAD ZAINUL ARIFFIN



di situ kerana tempat pelupusan itu hanya terletak kira-kira 100 meter dari sebatang anak sungai.

Berdasarkan pemerhatian wartawan *Kosmo!*, kebanyakan ubat tersebut dipercayai dibuang di kawasan tersebut sekitar awal tahun ini kerana tarikh luput ubat-ubat tersebut ialah pada Oktober 2014. Kawasan itu terletak 26 kilometer dari Kuala Lumpur.

Seorang penduduk Kampung Orang Asli Batu 16 Gombak, Nizam Hamid, 37, berkata, kawasan pinggir Hutan Simpan Ulu Gombak telah lama menjadi tempat buangan ubat-ubatan dan sampah.

Menurutnya, ubat-ubatan yang sudah tamat tarikh luput itu dibuang pada waktu malam menggunakan lori bagi mengelakkan ia diketahui oleh penduduk tempatan dan pengguna jalan raya di situ.

"Bukan ubat saja



UBAT-UBATAN bercampur sampah-sarap yang dibuang di tepi jalan lama Gombak-Bentong.



SEBAHAGIAN ubat-ubatan yang ditemui di pinggir jalan.

FOTO: FAISOL MUSTAFA

Bukan ubat saja dibuang di sini, malah hutan ini turut dijadikan tong sampah bagi bahan buangan binaan, mentol-mentol lampu serta lampin pakai buang bayi

**NIZAM HAMID**

Batu 8 Gombak, Mohd. Yusuf Kamaruddin, 30, pula berkata,

**Peta Lokasi Pembuangan Ubat**



rawat pesakit mental. Kebanyakan paket ubat itu masih berada di dalam kotak dan kelihatan masih elok. Kotak-kotak ubat itu pula dibungkus menggunakan beg plastik berwarna hitam. Namun, sebahagian besar kotak ubat bertaburan di atas tanah dipercayai akibat aktiviti haiwan hutan.

Pelupusan tanpa prosedur ubat-ubatan mengandungi bahan kimia itu sudah pasti boleh mengakibatkan pencemaran kepada sungai



YUSUF

NIZAM

yang dibuang di sini, malah kawasan hutan ini turut dijadikan tong sampah bagi bahan buangan binaan, mentol lampu serta lampin pakai buang bayi.

“Apa yang saya bimbangkan ialah ubat-ubat itu mengandungi bahan kimia berbahaya. Jika hujan larutannya akan mengalir ke dalam sungai dan mencemarkan air di situ,” katanya ketika ditemui di kampung itu semalam.

Seorang lagi penduduk di

timbunan sampah-sarap di tepi jalan di kawasan hutan tersebut merupakan pemandangan biasa.

Katanya, gejala itu terjadi berikutan sikap tidak acuh pihak berkuasa yang tidak memantau kawasan pembuangan sampah sehingga pihak luar berani membuang apa-apa sahaja barang yang tidak diperlukan tanpa rasa takut.

Sementara itu, Pakar Forensik Alam Sekitar Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Prof. Madya Dr. Hafzan Juahir berkata, buangan farmaseutikal kebiasaannya mengandungi bahan kimia dan dadah berbahaya.

Katanya, bahan-bahan tersebut boleh membunuh sekiranya mengalir memasuki sungai yang menjadi sumber minuman haiwan liar dan manusia.

“Haiwan-haiwan liar seperti burung dan monyet sudah tentu akan tertarik dengan bentuk ubat tersebut dan terus memakannya. Kesannya mungkin hidupan itu akan mati.

“Kalau pun tidak dimakan, bahan kimia dalam ubat tersebut dikhuatiri boleh mengalir ke dalam sungai ketika hujan sekali gus menyebabkan pencemaran air sungai,” ujarnya.

## INFO

### Pelupusan Ubat

- Sebelum dilupuskan, label-label pada setiap ubat perlu dibuang demi melindungi maklumat sulit berkaitan kesihatan pesakit
- Elakkan mengempam sisa ubatan ke dalam tandas
- Sisa ubat-ubatan yang sudah luput tarikh boleh dihantar ke jabatan-jabatan farmasi di hospital dan klinik kerajaan untuk dilupuskan melalui kaedah incinerator atau dibakar pada suhu 1,100 darjah Celcius

# Ubat tamat tempoh perlu dibakar, ditimbus

**GOMBAK** - Tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang ubat-ubatan yang tamat tarikh luput di kawasan hutan adalah salah di sisi undang-undang.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Ashok Zachariah Philip berkata, ubat-ubatan yang telah tamat tarikh luput perlu dilupuskan mengikut prosedur agar ia tidak memudaratkan kesihatan orang ramai.

Menurut beliau, ubat-

ubatan yang sudah tamat tarikh luput boleh memberi kesan kepada hidupan liar, air dan juga manusia.

“Pelupusan ubat-ubatan ada prosedur yang ditetapkan supaya ia tidak menjejaskan hidupan termasuk manusia.

“Jika ubat yang dibuang merata-merata itu masuk ke dalam sungai dan orang ramai terminum air dari sungai berkenaan ia mungkin mendatangkan kesan tidak diingini,” katanya ketika dihubungi

*Kosmo!* di sini semalam.

Ashok memberitahu, kebiasaannya sebuah syarikat akan dilantik untuk menguruskan sisa buangan perubatan di hospital kerajaan dan swasta.

“Sisa tersebut biasanya dilupuskan secara bakar menggunakan insinerator atau ditimbus dalam tanah,” jelasnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr. Ma'amor Osman

menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan satu garis panduan khusus untuk syarikat pengeluar ubat-ubatan melupuskan produk mereka yang tamat tarikh luput.

“Ubat-ubatan yang telah tamat tarikh luput perlu dilupuskan secara khusus, dan tidak boleh dibuang sewenang-wenangnya kerana ia boleh memberi implikasi buruk kepada orang ramai dan hidupan liar,” tegas beliau.